

# Untung Rugi Hubungan Ekonomi Malaysia-China



**S**ELEPAS menyandang jawatan Perdana Menteri Malaysia pada April 2009, China menjadi negara pertama luar ASEAN yang dikunjungi oleh Dato' Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak. Dalam konteks ini, signifikan lawatan ini adalah berkaitan soal kepentingan strategik antara kedua-dua negara, iaitu Malaysia dan China.

Kedudukan China dalam hala tuju dan dasar Malaysia begitu penting. Hal ini bukan sahaja melibatkan latar belakang sejarah yang mencabar serta kritikal, tetapi dipenuhi oleh kepentingan pembangunan dan ekonomi yang amat diperlukan negara pada masa ini.

Menurut Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Anifah Aman, sejak memulakan hubungan diplomatik pada tahun 1974, hubungan bilateral antara Malaysia dengan China semakin berkembang pesat dan teguh.

Hubungan ini terus menunjukkan peralihan fasa yang cukup memberangsangkan pada tahun 2013, iaitu daripada "kerjasama strategik" kepada "perkongsian strategik komprehensif" yang merupakan sebahagian daripada wawasan perdana menteri.

Hal ini bermaksud, selain kerjasama dalam bidang ekonomi, Kuala Lumpur-Beijing juga berhubung secara aktif dalam pelbagai bidang lain, seperti pendidikan, pelancongan, pertahanan, agrikultur, kewangan, pengangkutan, kebudayaan, kesihatan, sumber semula jadi, dan alam sekitar serta sains dan teknologi.

Semasa pentadbiran Mohd. Najib, percaturan antarabangsa berlaku secara besar-besaran, bukan sahaja Amerika Syarikat (AS), malah China turut menunjukkan strateginya yang semakin agresif untuk bangkit sebagai kuasa ekonomi

baharu. Tahun 2013 menjadi tahun yang cukup penting untuk menentukan hala tuju Malaysia. Sejurus negara selesai menghadapi Pilihan Raya Umum ke-13, kejutan terus berlaku apabila rakyat didedahkan kepada agenda AS untuk melaksanakan Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA).

Sementara kepimpinan Malaysia berbesar hati dan yakin dengan kemampuan negara untuk menyertai perjanjian perdagangan itu, pelbagai pihak lain pula segera mengingahkan tentang kemungkinan ancaman penjajahan bentuk baharu AS itu. Kemudian, pada bulan September tahun yang sama, Presiden China Xi Jinping pula memperkenalkan projek "Satu Jalur atau Satu Laluan" atau One Belt, One Road (OBOR) yang turut ditafsir sebagai penjenamaan semula pada "Laluan Sutera Abad ke-21".

OBOR terdiri daripada dua perhubungan penting, iaitu melalui laluan darat yang dikenali sebagai "Jalur Ekonomi Laluan Sutera", dan laluan maritim yang dipanggil "Laluan Sutera Maritim Abad ke-21". Bagi mengukuhkan agenda tersebut, dari segi kewangan, Beijing telah menubuhkan Bank Pelaburan Infrastruktur Asia (AIIB) yang pada masa ini semakin menampakkan pengaruh dan kewibawaannya untuk menyediakan bantuan pinjaman, serta pelaburan kepada negara peserta.

Ketika TPPA "tersangkut" di tengah jalan, iaitu apabila Presiden baharu AS, Donald Trump menarik diri pada awal tahun lalu, OBOR terus berkembang, dan mempengaruhi sentimen banyak negara untuk menikmati pulangan ekonomi dan pelaburan yang lumayan.

Malaysia pula terus meraih keuntungan lumayan sebanyak RM144 bilion melalui lawatan rasmi oleh Mohd. Najib pada November 2016 ke China yang disifatkan sebagai pencapaian bersejarah. Hal ini dikatakan demikian kerana jumlah pelaburan dan perniagaan itu adalah yang terbesar, yang pernah negara peroleh.

Dalam lawatan kerja itu, kerjasama itu diperolehi melalui dua bentuk memorandum persefahaman (MoU) yang melibatkan syarikat serta kerajaan daripada kedua-dua negara. Mohd. Najib yang juga Ahli Parlimen Pekan berkata, sebagai negara yang terawal menyokong OBOR, China melalui Exim Bank of China turut bermurah hati untuk membiayai pembinaan Landasan Kereta Api Pantai Timur (ECRL). Apabila siap dibina, projek ini dijangka memberikan manfaat kepada

4.4 juta rakyat Malaysia di tiga negeri Pantai Timur iaitu Pahang, Terengganu dan Kelantan.

Selain itu, peluang pada masa hadapan di bawah rancangan OBOR meliputi kerjasama dalam bidang elektronik, minyak dan gas, minyak kelapa sawit, teknologi, produk halal, perikanan, kewangan, dan e-dagang yang semakin mendapat perhatian daripada pelbagai pihak.

Kejayaan Malaysia memperoleh pelbagai manfaat daripada China ini turut dipengaruhi oleh lokasi negara yang cukup strategik dalam jaringan OBOR ini. "Tuah geopolitik" ini turut disifatkan oleh Menteri Pengangkutan, Dato Sri Liow Tiong Lai sebagai "Gerbang China ke ASEAN" kerana menjadi laluan penting OBOR kepada 65 negara lain meliputi benua Asia, Afrika dan Eropah.

Maka itu, tidak hairanlah mengapa Beijing bersungguh-sungguh terlibat secara aktif dalam hal ehwal pembinaan dan memperbaharui pelabuhan laut seperti di Klang, Melaka, dan Pulau Carey di bahagian Selat Melaka, manakala Kuantan di bahagian Laut China Selatan pula.

Menurut Johan Saravanamuttu dan David Han dari S. Rajaratnam School of International Studies (RSIS) di Singapura, Pelabuhan Kuantan di kawasan Pantai Timur bakal menjadi perdagangan maritim yang penting kepada China. Lantaran itu, kerjasama dengan China dalam sektor pembinaan pelabuhan ini memberikan implikasi positif kepada aktiviti perkapalan, logistik serta industri berkaitan yang menatijahkan kepada penguhaan perdagangan OBOR yang dianggarkan bernilai RM3.9 trilion (\$1 trilion).

Tidak dinafikan, pada awal pelaksanaan agenda OBOR ini, khalayak dari seluruh dunia termasuk sesetengah pihak di Malaysia memerhatikan kebangkitan China ini sebagai bentuk penjajahan baharu dari sudut ekonomi. Jika ungkapan Christopher Columbus sebelum ini popular, tetapi menaakutkan apabila menggambarkan "China sebagai gergasi yang sedang tidur", pandangan itu dibalas secara harmoni oleh Jinping apabila berkata, "pada hari ini singa itu sudah bangun tetapi dengan aman, menyenangkan dan bertamadun."

Khalayak dari seluruh dunia termasuk sesetengah pihak di Malaysia memerhatikan kebangkitan China ini sebagai bentuk penjajahan baharu dari sudut ekonomi.



Pelabuhan Mombasa

Dalam buku *The ASEAN Miracle*, Jinping turut meredakan kebimbangan dunia tentang kebangkitan China apabila dipetik sebagai berkata "darah orang China tidak ada gen pencerobohan, dan orang China tidak mengikut logik yang kuat itu selalunya betul." Walaupun Jinping terlebih dahulu bertindak menanggapi tanggapan negatif mengenai OBOR dengan menggariskan tiga prinsip utama, iaitu penyertaan dan manfaat bersama-sama serta perundingan berterusan yang menunjukkan sikap inklusif dan kolektif Beijing, namun perkembangan semasa yang berlaku di beberapa negara seperti menunjukkan sebaliknya.

Contoh kes yang popular dan kerap dirujuk pada masa ini ialah di Sri Lanka apabila syarikat perkapalan China, China Merchants Port Holdings Company telah memperoleh 70 peratus penguasaan ke atas Pelabuhan Hambantota pada tahun lalu dengan tempoh pajakan selama 99 tahun.

Hal demikian berlaku selepas negara kecil itu gagal melangsaikan hutangnya yang berjumlah lebih RM31.4 bilion (\$8 bilion) yang diwarisi daripada pemerintahan bekas Presiden Mahinda Rajapaksa untuk melaksanakan pelbagai projek infrastruktur. Kemudian, pada pertengahan tahun 2016 pula, syarikat perkapalan lain, China Ocean Shipping Company (COSCO) telah memperoleh penguasaan ke atas Pelabuhan Piraeus milik Greece yang disifatkan sebagai "kepala naga" OBOR di Eropah, serta strategi antarabangsa untuk menghubungkan benua itu dengan Eurasia.

Menurut portal media tempatan, tanpa pengecualian, negara Afrika seperti Kenya turut berhadapan dengan ancaman kehilangan pelabuhan Mombasa yang menjadi gerbang China ke Afrika Timur. Sementara itu, di Djibouti pula, selepas menerima pinjaman bernilai bilion dolar yang sukar lunaskan, China memperoleh hak untuk menubuhkan pengkalan tenteranya yang pertama di luar negara di kawasan yang cukup strategik.

Tindak tanduk Beijing ini disifatkan oleh Profesor Brahma Chellaney daripada Pengajian

Strategi, Center for Policy Research di New Delhi sebagai "diplomasi perangkap hutang" oleh China terhadap negara ekonomi baharu muncul yang terdesak memerlukan pelaburan.

Penulis buku *Asian Juggernaut* turut membandingkan tindakan China ini dengan kuasa imperialis Eropah yang menggunakan kaedah diplomasi, disertai kekerasan untuk memastikan wilayah yang dijajah tunduk kepada kehendaknya. Berbekalkan contoh kehadiran China di Afrika, Fareed Zakaria dalam *The Post-American World* menyatakan dengan agak terperinci, bagaimana China memanfaatkan kelebihan dan kekayaannya untuk mengambil kesempatan dalam ruang ekonomi, politik, dan ketenteraan di rantau yang senantiasa bergolak itu.

Di Nigeria, China sanggup memberikan pinjaman kepada kerajaan selepas Bank Dunia mengenakan syarat yang memakan masa, iaitu meminta negara itu membersihkan amalan rasuah dalam birokrasi perkhidmatan kereta api. Selain itu, China turut berurus niaga dengan negara kuku besi seperti Zimbabwe yang berhadapan dengan tekanan AS dan Kesatuan Eropah (EU).

Hubungan erat ini turut ditunjukkan dalam Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) apabila China menjadi penyokong penting bekas Presiden Zimbabwe, Mugabe. Ketika AS mengenakan sekatan terhadap Sudan, China merupakan kuasa asing yang meneruskan pelaburan, perdagangan dan kerjasama ketenteraan.

Bagi jangka masa panjang, apakah manfaat yang China peroleh daripada sikap murah hati ini? Rasuah yang tidak terbandung, kelembapan ekonomi berterusan, dan 1001 masalah lain hanya meletakkan kebanyakan negara Afrika ini terus bergantung harap kepada China untuk meneruskan kelangsungan pemerintahan, dan inilah bentuk "diplomasi perangkap hutang" yang belum pernah belum pernah mana-mana negara berjaya terbebas daripadanya.

Melihat situasi ini, kebimbangan serupa turut disuarakan di rantau Asia Tenggara. Naib Presiden Filipina, Leni Robredo turut mengingatkan pentadbiran Presiden Rodrigo Duterte mengenai perangkap hutang China. Robredo membangkitkan hal ini apabila Manila membuat pinjaman yang besar sebanyak RM13.23 bilion (P175 bilion) daripada Beijing untuk membina sistem kereta api baharu, Bicol

Express yang menghubungkan antara ibu negara dengan wilayah Bicol.

Pada masa ini, China menjadi sumber baharu Filipina bagi mendapatkan bantuan kewangan untuk melaksanakan projek infrastruktur. Robredo berkata, risiko pinjaman itu boleh mengheret Filipina dalam perangkap hutang seperti yang telah berlaku kepada beberapa negara lain yang berhutang dalam jumlah yang besar dengan gergasi Asia itu. Seperti kebanyakan pengkritik perangkap hutang China ini, Robredo turut menggunakan kes sama yang menimpa Sri Lanka.

Tanpa menolak kepentingan China dalam inisiatif pembangunan infrastruktur di Filipina, apa-apa yang menggusarkan Robredo merupakan kemampuan setiap projek itu membawa keuntungan yang besar bagi membayar ansuran hutang tersebut. Namun begitu, di Thailand pula keadaan agak berbeza apabila kerajaan menolak terma pinjaman yang ditawarkan oleh China untuk membina landasan kereta api laju sepanjang 253 kilometer dari Bangkok ke Nakhon Ratchasima dengan anggaran perbelanjaan sebanyak RM22.28 bilion (Bt179 bilion).

Daripada anggaran itu, Bangkok bercadang untuk meminjam 25 peratus daripada China. Menurut Menteri Pengangkutan Thailand, Arkhom Termpittayapaisith, Beijing meletakkan syarat yang sukar dalam kontrak perjanjian itu yang memberikan hak kepada kuasa besar itu untuk menguasai aset Bangkok jika ansuran gagal dibuat.

Syarat yang sama turut dikenakan terhadap Laos bagi membiayai projek landasan kereta api laju yang menghubungkan negara itu dengan selatan China yang cagarannya ialah lima lombong milik Vientiane dirampas jika hutang tidak dibayar.

Di Malaysia, persoalan tentang "penjajahan ekonomi" China semakin mendapat perhatian, khususnya dalam kalangan parti pembangkang dan ahli akademik. Timbul persoalan yang hampir senada, iaitu adakah Malaysia turut terjerumus dalam penjajahan baharu gergasi dunia itu? Secara umumnya, China mempunyai pandangan yang harmoni dan menghormati Malaysia sebagai negara sahabat walaupun berhadapan pelbagai cabaran.

Apa yang menarik, dalam kalangan negara di rantau Asia Tenggara, Malaysia merupakan negara pertama yang mengiktiraf Republik Rakyat China (PRC) pada tahun 1974 semasa



Allahyarham Tun Haji Abdul Razak semasa zaman pemerintahannya.

pentadbiran Perdana Menteri Malaysia Kedua, Allahyarham Tun Haji Abdul Razak. Semasa pentadbiran Perdana Menteri Malaysia Pertama, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj (1957-1970), hubungan Malaysia (dahulu Malaya) dengan China lebih cenderung berbentuk saling mencurigai dan permusuhan. Namun begitu, keadaan mula berubah apabila Tun Abdul Razak (1970-1976) mengubah dasar dengan mengambil pendekatan damai. Pada masa ini, hubungan yang lebih diplomatik dilakukan dengan mengendurkan ketegangan, melakukan normalisasi diplomatik, dan memastikan kewujudan bersama-sama secara damai. Pendekatan ini diteruskan oleh Perdana Menteri Malaysia Ketiga Tun Hussein Dato' Seri Onn (1976-1981).

Di bawah pentadbiran Perdana Menteri Malaysia Keempat Tun Dr. Mahathir Mohamad pula, Malaysia terus meningkatkan hubungan diplomatik dengan China. Hubungan tersebut lebih aktif dan agresif melalui pelbagai bentuk

**Persoalan tentang "penjajahan ekonomi" China semakin mendapat perhatian, khususnya dalam kalangan parti pembangkang dan ahli akademik.**

kerjasama melibatkan ekonomi, politik dan strategi yang kabur.

Menurut Poon Kim Shee (2004), perubahan fasa terhadap China ini mencerminkan dinamisme dasar luar negara bagi mengimbangi keadaan dalaman dan luaran. Tambah beliau lagi, dasar ekonomi Mahathir terhadap China adalah berdasarkan kepada kerjasama dan pragmatisme, tetapi dalam hal ehwal yang melibatkan strategi serta keselamatan pula masih dalam keadaan ambivalen.

Berdasarkan latar belakang sejarah yang pelbagai ini, dari satu sudut, Malaysia sebenarnya tidak kekurangan pengalaman atau naif untuk menangani cabaran diplomatik dan geopolitik yang semakin mencabar pada masa ini. Menurut bekas Duta China ke Malaysia, Dr. Huang Huikang, China turut terhutang budi kepada Malaysia yang telah membantu pembangunan negara itu dari sudut ekonomi melalui perniagaan yang dijalankan oleh rakyat Malaysia di sana sekitar tahun 1980-an sehingga tahun 1990-an. Beliau berkata,

jika empat dekad pertama hubungan diplomatik ini dianggap sebagai "era keemasan", empat dekad ke hadapan pula disifatkan sebagai "era permata".

Dalam tempoh yang disifatkan berkembang dengan pantas, matang dan stabil itu, pelbagai bentuk kemajuan dalam pelbagai bidang telah dicapai membabitkan infrastruktur, projek besar, tenaga, pertanian,

projek besar, tenaga, pertanian, kewangan, pertahanan dan keselamatan.

Beliau turut menggariskan empat petunjuk penting kepada hubungan bilateral ini, iaitu yang pertama, hubungan ini berada pada tahap tertinggi apabila Presiden China Xi Jinping melawat Malaysia pada tahun 2013 sebelum disusuli oleh Perdana Menteri China, Li Keqiang pula pada tahun 2015. Sidang kemuncak "Belt and Road" di Beijing pada Mei 2016 juga dimanfaatkan oleh Mohd. Najib dengan bertukar pandangan mengenai kerjasama yang melibatkan pelbagai projek besar.

Yang kedua, China terus menjadi rakan dagang terbesar Malaysia untuk lapan tahun berturut-turut dengan jumlah dagangan mencecah RM391.9 bilion (\$100 bilion). China juga

menjadi sumber pelaburan langsung asing (FDI) dan kontraktor terbesar dalam sektor pembinaan. Menurut rekod, pada tahun 2016, Malaysia dianggarkan telah menerima kehadiran pelancong China sebanyak tiga juta, sekaligus menjadi sumber terpenting kepada sektor pelancongan dengan memperoleh hasil pertukaran mata wang sebanyak RM15 bilion.

Seterusnya yang ketiga, kerjasama dalam pelbagai projek besar semakin berkembang. Antaranya, Taman Perindustrian Qinzhou China-Malaysia, Taman Perindustrian Kuantan Malaysia-China Kuantan (MCKIP), Melaka Gateway, ECRL, kerjasama Geely-Proton dan Zon Perdagangan Bebas Digital.

Kemudian yang keempat, pada tahun 2015, Bank Pembangunan China (CCB) mengeluarkan bon renminbi antarabangsa yang pertama di Malaysia, dan pembukaan insituisi pendidikan awam China, Xiamen University Malaysia yang pertama dibuka di Malaysia pada tahun 2016. Di samping mengakui kewujudan keadaan tertentu seperti pertikaian kawasan Laut China Selatan yang masih berterusan, tetapi itu tidak menghalang Kuala Lumpur dan Beijing untuk mengekalkan hubungan bilateral kerjasama dan pembangunan ekonomi.

Keadaan ini mencerminkan kebijaksanaan pemimpin daripada kedua-dua negara bagi menguruskan konflik melalui pendekatan diplomasi dan siri dialog. Perkembangan menarik ini bukan sahaja mengekalkan kepentingan banyak pihak, tetapi turut memastikan keamanan, kestabilan dan kemakmuran terus dicapai di rantau ini.

Dr. Huang percaya Malaysia meneruskan kerjasama erat dengan China melalui inisiatif OBOR ini dalam usaha untuk merencanakan dan meningkatkan lagi pembangunan ekonomi. Namun begitu, jika diperhatikan pandangan kritikal pihak pembangkang termasuklah bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad, rata-rata mengukuhkan Malaysia memerlukan pelaburan asing untuk membangunkan negara ini.

Walau bagaimanapun, kebimbangan mereka menurus kepada pinjaman tinggi yang China tawarkan menjerat Malaysia, tatkala negara juga mempunyai kadar hutang yang tinggi. Dianggarkan jumlah hutang negara mencecah RM1 trilion pada tahun 2021, RM2 trilion pada tahun 2028 dan RM3 trilion pada tahun 2023.

**Malaysia sebenarnya tidak kekurangan pengalaman atau naif untuk menangani cabaran diplomatik dan geopolitik yang semakin mencabar pada masa ini.**

Pada masa sama, kontroversi yang berlaku ke atas syarikat pembangunan strategik, TMDB turut mengundang kebimbangan apabila dilaporkan berjaya menyelesaikan bayaran hutang sebanyak RM4.9 bilion kepada International Petroleum Investment Company (IPIC) pada hujung tahun lalu. Kecurigaan kebanyakan pengkritik adalah mengenai sumber kewangan untuk membayar hutang tersebut.

Sebelum ini, media tempatan mendedahkan bahawa TMDB menjual dua aset hartanah kepada China di Pulau Pinang dan Pelabuhan Klang. Walaupun Menteri Kewangan II, Datuk Seri Johari Abdul Ghani menafikan "terhutang budi kepada sesiapa", tetapi rakyat masih menunggu penjelasan rasmi daripada kerajaan. Kebimbangan yang berlegar adalah mengenai kemungkinan Malaysia turut terjerumus dalam "perangkap hutang" China seperti yang berlaku di beberapa negara lain.

Dalam pada itu, perdebatan mengenai pelaburan pengangkutan awam seperti ECRL terus menarik perhatian pelbagai pihak berdasarkan kepada keperluan dan beban kewangan yang ditanggung oleh generasi sekarang dan pada masa hadapan.

Bekas Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin yang membangkitkan mengenai kedudukan ECRL sebagai bentuk pinjaman atau pelaburan juga dijawab dengan baik oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Panglima Abdul Rahman Dahlan. Menurut beliau, mekanisme yang digunakan dalam projek ini bukan berdasarkan pelaburan langsung asing (FDI) semata-mata yang lebih banyak memberikan kelebihan kepada syarikat pelabur terbahit.

Sebaliknya, jelas beliau, ECRL distrukturkan sebagai pelaburan domestik yang dibiayai melalui pinjaman mudah oleh Bank Import-Eksport China (EXIM). Kelebihan kaedah ini ialah, ECRL berada sepenuhnya di bawah pengurusan anak syarikat Kementerian Kewangan selepas projek ini beroperasi kelak.

Namun, pandangan pakar ekonomi, Profesor Jomo Kwame Sundaram bahawa ECRL yang dibina untuk membawa kargo dan penumpang yang disifatkan tidak masuk akal perlu diberikan perhatian oleh kerajaan. Beliau turut berhujah bahawa projek pengangkutan kereta api laju ini lebih cenderung menambah hutang negara

berbanding dengan membawa kebaikan kepada rakyat, khususnya di kawasan Pantai Timur.

Selain itu, beliau turut membangkitkan hal Projek Forest City di Johor yang merupakan projek luar negara China terbesar seluruh dunia dengan mempersoalkan manfaatnya kepada rakyat, khususnya di negeri selatan itu. Tanpa menafikan kepentingan pelaburan asing untuk pembangunan negara, beliau turut mengingatkan supaya dasar keterbukaan terhadap sektor ini perlu diawasi untuk mengelak negara daripada menjadi boneka kuasa luar.

Satu perkara yang perlu diberikan perhatian juga ialah sejauh mana pelaburan asing serta kemasukan teknologi dan kepakaran dari China boleh dimanfaatkan dan dikongsi dengan kumpulan tenaga pakar tempatan yang diperlukan untuk membangunkan negara mengikut citra tempatan.

Apatah lagi dilaporkan syarikat China membawa para pekerja buruh dari China untuk berkhidmat dalam pelaksanaan projek tersebut. Keadaan ini perlu ditangani segera oleh kerajaan bagi memastikan rakyat negara ini juga boleh menimba pengalaman yang sama di bawah sistem kerja dari China yang boleh memberikan manfaat kepada sektor sumber manusia tempatan.

Walaupun Mohd. Najib memberikan jaminan peluang untuk syarikat bumiputera mendapat peluang dalam setiap projek yang dilaksanakan ini, tetapi pengalihan projek itu juga perlu dinilai impaknya dari segi peningkatan kemahiran berbanding dengan sekadar keuntungan ringgit semata-mata. Dalam suasana yang serba mencabar dan kompleks ini, kebijaksanaan para pemimpin perlu memastikan kepentingan negara sentiasa dilindungi daripada sebarang ancaman asing.

Pengukuhan hubungan yang terus berlangsung antara Kuala Lumpur dengan Beijing ini pula seharusnya tidak terus dibimbangi secara melampau, sebaliknya kepimpinan negara perlu memastikan kuasa tawar-menawar yang seimbang boleh dilakukan dalam setiap perundingan yang dibuat agar tidak merugikan masa hadapan rakyat dan negara.

**Kebijaksanaan para pemimpin perlu memastikan kepentingan negara sentiasa dilindungi daripada sebarang ancaman asing.**